

Jenis Akhbar : Berita Kini
Tarikh : 29/05/2022
Edisi / Muka Surat : <https://beritakini.biz/>
Tajuk : **ANGKASA**memperuntukkan RM14.26 juta untuk projek memperkukuh keselamatan makanan negara



Angkasa memperuntukkan RM1426 juta untuk projek memperkukuh keselamatan makanan negara

Angkasa memperuntukkan RM14.26 juta untuk projek memperkukuh keselamatan makanan negara

KUALA LUMPUR: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) memperuntukkan RM14.26 juta untuk melaksanakan beberapa projek baharu dalam usaha memperkukuh keselamatan makanan negara.

Presiden Angkasa Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah (gambar) berkata peruntukan itu akan digunakan dalam projek pembangunan berdasarkan jaminan keselamatan makanan, antaranya projek perintis ternakan ayam.

“Kelebihan koperasi ialah kita mempunyai struktur yang betul yang membolehkan kawalan proses pengedaran, pengeluaran dan peruncitan,” katanya pada sidang media Mesyuarat Agung Perwakilan Angkasa ke-36 di Wisma Ungku A. Aziz, dekat sini, pada Sabtu (28 Mei).

Abdul Fattah juga menjelaskan bahawa Angkasa telah menandatangani perjanjian dengan Persekutuan Koperasi Pertanian Kebangsaan Korea Selatan dalam melaksanakan projek ternakan menggunakan lembu dari negara itu.

Beliau berkata, lembu kacukan dari negara itu berpotensi menghasilkan antara 30 liter dan 40 liter susu sehari, berbanding antara 10 liter dan 15 liter sehari yang dihasilkan lembu tempatan.

Beliau berkata, mesyuarat itu juga bersetuju meluluskan pelaksanaan projek tanaman jagung sebagai pengganti jagung import.

“Jagung adalah komponen penting dalam perumusan makanan haiwan,” katanya sambil menambah bahawa projek itu akan menyelesaikan masalah rantai bekalan makanan haiwan.

Menurutnya, projek penanaman perintis itu telah dijalankan di Kedah dan Angkasa dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan mengembangkan lagi projek itu di tapak seluas 4,000 hektar yang lokasinya masih belum ditentukan.

Sementara itu, Abdul Fattah berkata Angkasa akan mempertahankan kerusinya sebagai ahli lembaga Perikatan Koperasi Antarabangsa (ICA), yang melibatkan wakil koperasi dari 120 negara.

Jelasnya, ahli lembaga pengarah Angkasa Datuk Kamaruddin Ismail kini memegang jawatan itu dan Angkasa mahu Malaysia terus diwakili melalui pelantikan semula Kamaruddin.

Pada persidangan Sabtu, Abdul Fattah mempertahankan jawatannya sebagai presiden dalam pertandingan satu lawan satu dengan memperoleh 1,468 undi. – BK